

KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN KITA KEPADA MASYARAKAT USAHA MEMPERBAIKI KAUM TANI

(Oleh: 'Abah Pinang-Mesir)

Kemajuan sesuatu bangsa bukan sahaja dengan usaha dari ahli-ahli politik, atau bijak pandai ahli-ahli fikiran semata-mata. Malahan usaha yang terbesar sekali dalam memajukan sesuatu negara ialah dengan usaha kerjasama dan pengorbanan yang besar dari kaum peladang, kaum tani, kaum buruh, yang menjemur diri dalam kepanasan di sepanjang hari. Pengorbanan mereka adalah pengorbanan yang besar pada memajukan negara, menyusun ketenteraman, menambah kemakmuran dan kesenangan dalam menyelenggarakan masyarakat.

Jika kita kajikan lembaran tarikh akan kita dapati kemajuan orang Melayu dalam soal itu telah meningkat ribuan tahun sehingga sekarang orang-orang Melayu terus maju tidak juga ketinggalan dalam soal tersebut. Jika dihitung panjang pada hari ini berjumlah hampir setengah juta dari orang Melayu yang menjadi peladang, tetapi sayang sekali jika kita bandingkan dengan hasil pendapatan perusahaan mereka amat sedikit kerana sepanjang yang kita dapati tanah perusahaan tidak mencukupi bagi perusahaannya. Sebidang tanah yang kecil telah diusahakan oleh beberapa orang. Ini adalah merugikan kaum peladang dan menyebabkan hasil pengeluaran Malaya menjadi kurang sedangkan tanah yang kosong dari hutan rimba terbiar begitu sahaja padahal tanah itu tetap subur dengan sebarang jenis tanam-tanaman.

Bagi memperbaiki kesulitan ini hendaklah pihak yang berkuasa membantu dengan apa cara yang berupa bantuan menggalakkan peladang-peladang supaya memperluaskan lagi tanah ladang dengan menggunakan alat-alat jentera moden supaya mengecikkan perbelanjaan dan masa perusahaan, sehingga tiap-tiap peladang itu dapat memiliki tanah perusahaan mereka yang boleh mencukupi dengan perusahaannya sepanjang masa sebagaimana peladang-peladang di luar negeri, di mana-mana tanah perusahaan mereka berpuluh-puluh ekar bahkan lebih banyak daripada itu, sehingga dapat menjadikan kedudukan mereka mewah, senang, makmur, sepanjang masa.

Hasil pendapatan dari perusahaan mereka seperti padi dan lain-lain hendaklah pihak kerajaan menimbang dengan saksama dan menghargakan pengorbanan dan perusahaan yang suci itu supaya menjauhkan daripada menurun harga perusahaan mereka sedangkan barang-barang keperluan mereka melambung tinggi sebagaimana yang berlaku sekarang ini. Perusahaan seperti padi dan lain-lain telah diturunkan harganya oleh kerajaan sedang harga keperluan mereka setiap hari dinaikkan melambung tinggi. Ini satu perkara yang besar menyebabkan peladang kita jatuh serta melarat sepanjang masa yang sangat menyedihkan, hal ini jika dibanding dengan pengorbanan mereka adalah suatu pengorbanan yang terbesar dalam membina negara.

Seperkara lagi kita berseru kepada pemodal kita, hendaklah membuka syarikat perniagaan di merata tempat serta diberi peluang kepada peladang-peladang memasukkan syer sekadar yang mereka mampu dalam syarikat itu. Syarikat ini hendaklah membuka kilang-kilang perusahaan seperti kilang padi, kilang kayu, dan lain-lain perniagaan seperti syarikat memberi tanah dan kedai keperluan tiap-tiap hari. Jika cara yang demikian dilangsungkan sudah tetap segala keuntungan dari perusahaan kaum tani kita dapat dirasai faedahnya oleh bangsa kita sendiri dan dari sini dapat membantu peladang dalam masa kecemasan kelak.

Tetapi harus diingat syarikat itu hendaklah didirikan oleh ahli-ahli yang berpengalaman ataupun faham dalam cara-cara syarikat, salah sekali dilantik sebahagian besar dari ahli-ahli penguasa yang tidak berpengalaman dalam syarikat. Adalah suatu perkara yang besar supaya menjauhkan daripada mati syarikat itu dengan tidak berkubur, maka usaha dan pengorbanan dari pemodal-pemodal kita yang semacam ini satu garisan yang besar sebagai menjauhkan daripada penyakit "padi kunca atau sebagainya yang sedang merayap disekeliling masyarakat kita pada hari ini di mana faedahnya dihisap oleh si Ah Chong yang menghulurkan umpan yang sedikit tetapi dapat menghisap faedah yang bukan sedikit.

Seharusnya satu lagi cara membaiki kaum tani kita harap mendapat perhatian kerajaan bagi menambahkan lagi bilangan penuntut dengan jalan *scholarship* terdiri dari anak-anak peladang sendiri yang berkecukupan dihantar ke luar negeri memperdalamkan ilmu tanaman dan sebagainya dengan cara baharu supaya mereka memandu peladang-peladang dengan cara modal yang mengecilkan perbelanjaan dan masa perusahaan, sebagaimana peladang-peladang di luar negeri bukan sahaja memandu dengan cara menanam padi atau sebagainya tetapi beberapa jenis lagi tanaman yang boleh menambahkan hasil-hasil pengeluaran makanan di tanah Melayu.

Borang pertama

Sebanyak 48 macam gambar kenang-kenangan yang sudah diambil sewaktu pembukaan rumah UMNO di Batu Road, Kuala Lumpur, dan sangat mustahak untuk disimpan, oleh sekalian anggota UMNO khususnya dan sidang pembaca amnya. Harganya adalah sebagai berikut: _

1 (48 gambar) \$12.00
 1 dozen (12.....) \$3.40
 Jika memesan satu gambar 40 sen

Sebanyak 15 macam lagi gambar kenang-kenangan yang sudah diambil sewaktu Presiden Sukarno melawat Singapura baru-baru ini. Sangat mustahak untuk disimpan oleh penduduk Indonesia khususnya dan kita semua amnya. Harga adalah sebagai berikut: _

1 (15 gambar) \$4.00
 6 gambar (macam) \$2.00
 Jika memesan satu gambar 40 sen

Tuan,

Dengan ini ada saya sertakan wang sebanyak \$ dan sudi kiranya tuan mengirinkan saya: _

Gambar Presiden keeping

Gambar ibu pejabat UMNO

Nama

Alamat

..... Q 10.55

* * * * *

Borang Kedua

Dengan ini ada saya sertakan wang sebanyak \$ 1.00 tunai (M.P.O.) dan kirimkanlah saya gambar-gambar bintang pujian Hollywood, Hindustan, dan Melayu juga senarai bintang 1955.

Nama

Alamat

..... Q 10.55

Isilah borang itu dengan segera dan kirim sekarang juga pada: -

STAR PHOTOS
P. O. BOX No. 1036 SINGAPORE 1.